

# Pelancaran Kempen Jom Ke Sekolah 2020



Labuan, 17 Februari- Program Pelancaran Kempen Jom Ke Sekolah 2020 SK Pekan Satu yang melibatkan semua warga SKPS diadakan di Dewan C.U.N. Program ini selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa kehadiran murid ke sekolah harus diberi perhatian sepanjang tahun ini kerana peratus kehadiran murid ke sekolah merupakan satu kriteria penting dalam menentukan kecemerlangan sekolah. Perasmian majlis disempurnakan oleh Pegawai Cawangan Khas IPD W.P. Labuan merangkap Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) SK Pekan Satu (SKPS) Asp. Mohd Sudirman Bin Abu.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pegawai Cawangan Hal Ehwal Awam IPD W.P. Labuan merangkap Penolong PPS SKPS Sjn. Stia Ak Mapan, Penolong Pengarah Unit Sekolah Rendah JPWPL merangkap pegawai Angkat SKPS Haji Yunus bin Haji Yussof, Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, Yang Dipertua (YDP) PIBG SKPS Encik Azrul Rizhan bin Abd Rahman, PK HEM SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmi bin Amat, PK PPKI SKPS Encik

Mohd Faisal bin Haji Moin, AJK Biro Kewangan Pibg Encik Yassin bin Tawih dan 85 orang guru.

Dalam ucapannya, Puan Anita Shyamini mengucapkan terima kasih dan syabas kepada hadirin dan AJK program kerana dapat melaksanakannya dengan cemerlang. Beliau memetik ucapan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia YB Teo Ni Ching "Program sebegini mampu menjalinkan kerjasama yang mantap diantara pihak sekolah dan PPS yang mana ianya dapat mewujudkan disiplin murid yang lebih terkawal selaras dengan konsep sekolah selamat dan amalan guru penyayang".



Tetamu-tetamu kehormat berkesempatan bersama guru-guru dalam program guru penyayang di pintu sekolah menyambut kedatangan murid.

Asp. Mohd Sudirman amat teruja dengan kerjasama yang

diberikan oleh pihak sekolah terhadap PSS. Beliau berkesempatan menyampaikan keputusan daripada Ketua Polis Negara "KPM, PDRM dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan telah menerbitkan Buku Panduan Pegawai Perhubungan Sekolah (BPPPS) sebagai garis panduan kepada PSS dan semua pihak yang berkaitan dalam melaksanakan program atau aktiviti yang telah ditetapkan".

Penyelaras program, Puan Hjh Jamayah Binti Mohid melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua terutama kepada guru-guru yang mengawal keadaan murid bagi melancarkan program ini. Tambahnya lagi, berharap agar mesej yang disampaikan semasa program Jom Ke Sekolah 2020 dapat dihayati oleh murid-murid sepenuhnya.



Suasana murid-murid di Dewan C.U.N dalam keadaan yang terkawal.